



WUPID 2011 di UPM himpun 60 pendebat terbaik dunia



PUTRAJAYA, 14 Sept – Selepas menyaksikan kejayaan pada tahun-tahun sebelumnya, Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi diberi kepercayaan menjadi tuan rumah pertandingan debat keamanan World Universities Peace Invitational Debate(WUPID 2011) yang akan bermula dari 17 hingga 21 Disember ini .

Pertandingan selama empat hari anjuran H&G Strategic Communications Sdn. Bhd. (H&G) itu bakal menampilkan 60 pendebat dari 30 universiti antarabangsa antaranya University of Sydney, Australia , University of Oxford, England, University of Cambridge, England, Harvard University, Amerika Syarikat, University of St. Andrews, Scotland dan Queen University, Kanada.

Acara tahunan yang diperkenalkan sejak tahun 2007 itu turut menampilkan wakil Malaysia daripada Universiti Islam Antarabangsa (UiAM).



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata kementeriannya melihat secara serius acara debat sebagai platform terbaik memacu pembinaan karakter insan melalui perkongsian pandangan selain mempertingkatkan kemahiran komunikasi.

"Pada masa yang sama kita mengharapkan pertandingan debat ini dapat mengetengahkan isu sebenar yang sedang dihadapi dunia pada masa kini," katanya pada sidang media WUPID 2011 di sini baru – baru ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz

Mahatir yang dilantik selaku Duta Keamanan WUPID dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur , Shamsul Azhar Ismail.

Dalam pada itu, Shamsul berkata program seperti itu merupakan salah satu usaha membentuk budaya bangsa berilmu dan melonjak keupayaan pelajar Malaysia khususnya melalui program perdebatan pada peringkat antarabangsa.



Perdebatan bukan sahaja berkisar mengenai topik 'Keamanan' dunia seperti perang malah ia berkaitan dengan kebebasan bersuara, agama dan demokrasi sesebuah negara yang bakal diterajui oleh golongan pelajar.

Menurutnya, WUPID 2011 telah memasuki tahun kelima penganjurannya dan ia menjadi antara acara yang dinantikan kerana menghimpunkan pendebat dari seluruh dunia.

Beliau menambah, pertandingan itu berkonsepkan debat yang diamalkan di parlimen United Kingdom dengan melibatkan lima pusingan yang mana 16 pasukan akan terpilih untuk mara ke peringkat kalah mati.



Pemenang akan menerima wang tunai berjumlah USD7,000 manakala tiga tempat terbaik akan bawa pulang hadiah bernilai USD1,000 .

Pada WUPID 2010, kumpulan debat dari National University of Singapore (NUS) yang mewakili pembangkang muncul juara menewaskan peserta dari University Sydney, University Monash, Australia dan University Cambridge, England pada pusingan akhir Bertajuk 'Malaysia Merancang Memajukan Tenaga Nuklear'.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran Dan Komunikasi (MarComm)

(Mohd Martin Kahar, Foto (Noor Azreen Awang, 03-89466199)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia